

## Mustahak buku-buku sekolah diselidiki semula

“Buku-buku yang sesuai kandungannya dari segi ilmu jiwa, tepat keterangannya dan benar kenyataan-kenyataannya akan dapat juga menghapuskan fahaman yang salah terhadap kebudayaan dan keadaan sesebuah negara lain dan bangsa lain .....” kata Tuan Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam ucapannya di radio baharu-baharu ini.

Ucapannya yang lengkap mengenai buku-buku persekolahan adalah seperti berikut: - P.Q

Oleh: Syed Nasir bin Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Baharu-baharu ini saya telah berpeluang bersama-sama dengan En. Aminuddin bin Baki menghadiri satu persidangan ahli-ahli pelajaran di Tokyo. Tetapi yang saya hendak menyatakan bukanlah berkenaan dengan Tokyo atau negeri Jepun, dan bukan juga berkenaan dengan bahasa di negeri Jepun atau pun yang mengenai dengan dasar dan peraturan pelajaran serta suasana persekolahan di negeri itu.

Apa yang saya berhajat hendak menyatakan ialah satu perkara yang saya rasa mustahak untuk pengetahuan ramai, khasnya bagi pengetahuan ahli-ahli pelajaran dan semua yang berkenaan dengan pendidikan dan pelajaran dan juga bagi perintah-perintah serta penulis-penulis buku yang bercadang hendak mengarang buku-buku sekolah.

### Persidangan Unesco

Persidangan di Tokyo itu sebagaimana saya katakan tadi ialah persidangan antara ahli-ahli pelajaran dan pendidikan untuk mengkaji tentang layanan yang diberikan kepada negeri-negeri barat di dalam buku-buku pelajaran dan bahan-bahan atau alat-alat pelajaran di negeri-negeri Asia Selatan dan Asia Timur. Dengan lain-lain perkataan ialah berapa banyak atau betapa benarnya hal ehwal

negara-negara barat dimasukkan dalam buku-buku pelajaran di negara Asia Selatan dan Asia Timur ini.

Persidangan itu telah berlangsung selama dua minggu di Tokyo di bawah anjuran Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu, yakni lebih terkenal dengan nama ringkasnya Unesco. Pertubuhan Unesco ini telah berusaha ke arah mencapai keamanan dunia dengan menggalakkan faham saling mengerti di antara penduduk-penduduk dari negeri-negeri yang berlainan serta kebudayaan yang berlainan; dan bagi mencapai maksud ini maka Unesco telah membuat perhubungan dan kerjasama dengan badan-badan serta pertubuhan-pertubuhan kebangsaan dan antara bangsa dengan menegaskan usahanya melalui perkara pelajaran, kerana pengetahuan itu adalah asas kepada fahaman dan pengertian, dan fahaman pula adalah satu perkara yang penting bagi membolehkan seseorang atau sesuatu bangsa itu mengenali, menghormati dan menghargai kebudayaan orang atau bangsa lain. Banyak perselisihan faham telah terjadi masa yang telah lalu dan masa sekarang juga disebabkan oleh beberapa perkara, di antaranya ialah disebabkan oleh kurang pengetahuan atau salah faham dihal orang lain atau bangsa lain berkenaan dengan cara hidup dan kebudayaan mereka, kepercayaan



Pelajar-pelajar al-Ihyā' al-Sharīf, Semanggol, Perak yang menghadiri darjah “Kurusu Pidato”. Duduk di tengah-tengah ialah al-Ustādh Budiman Radhi, guru mereka.

serta kain-lain hal yang seumpamanya; dan juga disebabkan oleh sikap tiada menghargai fikiran orang lain dan tidak sedarkan bahawa kejadian-kejadian sejarah telah memberi kesan kepada kemajuan masyarakat serta politik berbagai-bagai negeri. Penghargaan dan penilaian serta pandangan yang tulus dan jujur terhadap anasir-anasir sesuatu kemajuan dan kebudayaan akan berhasil menyatu padukan manusia atau penduduk negara-negara yang berlainan serta menjauh atau mengundurkan kegentingan yang terjadi di dunia sekarang.

#### **Buku-buku pelajaran**

Satu daripada usaha-usaha yang telah dijalankan dan ikhtiar-ikhtiar yang dilakukan dalam lapangan pelajaran yang boleh

menggalak serta meninggikan darjah fahaman antara bangsa dan juga mempersuaikan perhubungan antara bangsa ialah dengan jalan memperbaiki buku-buku pelajaran serta alat-alat pelajaran di sekolah.

Banyak persidangan-persidangan dan seminar-seminar yang telah dianjurkan oleh Unesco berhubung dengan hal ini; dan dalam tahun 1956 telah diadakan sesuatu mesyuarat di Paris antara pakar-pakar pelajaran. Persidangan di Paris itu telah mengkaji kekurangan layanan yang diberikan terhadap hal ehwal negara-negara Asia Selatan dan Asia Timur di dalam buku-buku pelajaran di sekolah-sekolah negara-negara barat. Hasil daripada persidangan itu maka beberapa syor telah dikemukakan untuk membaiki buku-buku pelajaran di sekolah-sekolah di negara-negara barat itu.

## **Bantuan kepada penerbit dan penulis**

Persidangan yang telah diadakan di Tokyo ini dihadiri oleh 25 bangsa dari negara Asia, Afrika, Amerika Selatan dan Utara serta Eropah. Persidangan ini diberi tugas untuk mengkaji layanan yang diberikan kepada negara-negara barat di dalam buku-buku pelajaran di negara-negara Asia Selatan dan Timur. Persidangan itu juga ditugaskan untuk membuat syor-syor yang membina, yang dapat dijalankan dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang ini; dan syor-syor itu dibuat sekira-kira boleh membantu penerbit-penerbit dan penulis-penulis buku pelajaran serta lain-lain alatan pelajaran, sambil membantu pihak-pihak dan badan-badan yang mengeluarkan alat-alat mengajar dalam negeri-negeri Asia Selatan dan Asia Timur ini. Maka dengan jalan demikian dapatlah perintah-perintah dan penulis-penulis itu mengeluarkan, menerbitkan dan mengadakan bahan-bahan pelajaran yang agak baik dan layanan yang benar, tepat lagi jujur dan tidak berat sebelah terhadap hal ehwal negara-negara barat itu.

Perubahan-perubahan dan kejadian-kejadian yang telah berlaku di negara-negara Asia Selatan dan Asia Timur telah dijadikan persidangan di Tokyo itu bertambah-tambah mustahak, kerana kebanyakan daripada negeri-negeri itu telah berubah taraf dan kedudukan politiknya dengan tercapainya kemerdekaan masing-masing. Perubahan-perubahan dan kejadian-kejadian ini juga telah menyebabkan dan menimbulkan perubahan-perubahan baharu di dalam lapangan berfikir, dalam pergerakan-pergerakan kebangsaan dan dalam cara hidup penduduk-penduduk di negeri-negeri itu yang semestinya disesuaikan dengan cara yang baharu pula.

## **Dasar Pelajaran**

Di dalam lapangan pelajaran boleh dikatakan semua negeri-negeri yang telah mencapai kemerdekaan telah membaharui

semula dasar dan peraturan pelajarannya untuk disesuaikan dengan keadaan yang telah berubah itu. Semenjak kejadian-kejadian dan perubahan-perubahan itu juga maka buku-buku sekolah sebagai bahan atau alat pengajaran dan latihan telah mengambil peranan yang lebih mustahak pula dan negeri-negeri yang tersebut sedang cergas membuat persediaan, perubahan serta menyemak dan mengarang semula buku-buku sekolah dan bahan-bahan pengajaran masing-masing.

Buku-buku adalah alat pelajaran yang penting. Oleh sebab itu perlulah buku—buku pelajaran mengandungi perkara-perkara yang benar dan tepat, terutama mengenai sejarah dan ilmu alam sesuatu negeri. Dan lagi buku pelajaran itu sangatlah dihajatkan supaya bersesuaian dengan kesukaan dan kemahuan serta latar belakang kebudayaan kanak-kanak yang dimaksudkannya.

## **Alat-alat pelajaran**

Memanglah satu hal yang kita semua ketahui bahawa buku pelajaran itu adalah daripada beberapa jenis alat pelajaran, kerana ada beberapa alat pelajaran yang lain seperti yang disebutkan dalam bahasa Inggeris “audio-visual” dengan melalui gambar-gambar, filem-filem, radio dan sebagainya. Alat-alat ini adalah mempengaruhi peranan yang diambil oleh buku-buku. Kita mengetahui juga betapa pentingnya pengaruh guru di atas kanak-kanak. Oleh yang demikian itu perbaikkan terhadap buku-buku sekolah hanya akan memberi kesan jika diikuti pula dengan perbaikkan bagi alat-alat pelajaran yang lain serta latihan dan pelajaran bagi guru-guru. Sungguhpun demikian halnya tiadalah dapat dinafikan bahawa buku pelajaran yang baik itu haruslah menjadi alat yang utama bagi pengajaran di sekolah-sekolah.

buku-buku yang sesuai kandungannya dari segi ilmu jiwa, tepat keterangannya dan benar kenyataan-kenyataannya akan dapat juga menghapuskan fahaman yang salah terhadap kebudayaan dan keadaan sesebuah negara lain dan bangsa lain. Umpamanya kerap kita dengan orang-orang diluar Tanah Melayu ini mensifatkan Tanah Melayu kita ini sebuah negeri yang penuh dengan hutan rimba, binatang buas seperti harimau bermaharajalela, penduduk-penduduknya tiada beradaban dan sebagainya, hinggakan kadang-kadang disebut Tanah Melayu atau Malaya di luar negeri maka yang tergambar pada orang-orang di luar negeri itu ialah harimau. Begitu juga tidak kurang banyaknya daripada orang-orang kita di Tanah Melayu ini yang mendapat fahaman bahawa negeri Perancis dan Jepun, terutama ibu-ibu negeri tersebut - Paris dan Tokyo – adalah negeri-negeri dan bandar-bandar yang penuh dengan segala aneka hiburan, hinggakan bila disebut Paris sahaja terbayanglah pada setengah-tengah daripada kita “Mademoiselle” atau apabula disebut Tokyo sahaja maka terbayanglah “geisha”. Pulau Bali pula terkenal dengan wanita-wanita yang kurang pakaian kononnya. Bandar Chicago penuh dengan penjahat-penjahat dan apabila disebut Chicago sahaja terbayanglah “gangster” yang mengacukan pistolnya dan lain-lain negeri lagi yang masing-masing bandarnya sudah mempunyai gelaran-gelaran tertentu yang kebanyakannya kurang baik dan tidak benar. Pada hal Paris itu ialah pusat kebudayaan Eropah barat, Tokyo itu pusat pertemuan tamadun barat dan timur dan Bali itu adalah perbendaharaan kebudayaan dan keseian lama yang indah.

#### **Kelemahan buku-buku tawarikh**

Ada satu lagi kelemahan atau kekurangan yang didapati dalam buku-buku pelajaran sekolah-sekolah di negeri-negeri

Asia, khasnya dalam buu-buku pelajaran tawarikh dan ilmu alam. Buku-buku ini amat banyak mengandungi atau menyebutkan hal-hal sejarah yang berkenaan dengan negara-negara barat dahulu menjajahinya; umpamanya buku-buku ilmu alam di Tanah Melayu ini melebih-lebihkan perkara-perkara, kejadian-kejadian dan cerita-cerita negeri Inggeris; demikianlah juga buku-buku dalam negeri India dan Ceylon, manakala buku-buku Indonesia dahulu cenderungnya lebih kepada negeri Belanda, negeri Vietnam kepada negeri Perancis dan seterusnya. Pada hal negeri-negeri barat yang lain juga telah mengambil bahagian yang besar bagi kemajuan dan kemakmuran dunia, tetapi setengahnya tiada mendapat tempat langsung dalam buku-buku Aisa.

Sekalipun persidangan di Tokyo itu khas untuk mengkaji layanan yang diberi kepada negara-negara barat, akan tetapi satu perkara telah didapati dengan jelasnya bahawa negeri-negeri dalam Asia sendiri mengetahui sangat sedikit atau tiada langsung darihal negeri-negeri yang berjiran dengannya.

Menimbangkan bahawa negeri-negeri yang termasuk dalam istilah timur dan barat itu amat banyak, pada hal masa yang diuntukkan bagi pelajaran ini terhad, maka timbullah suatu masalah iaitu negeri-negeri mana yang patut mendapat keutamaan. Buku-buku di Tanah Melayu mengenai mata pelajaran yang tersebut patutlah mempunyai tertib yang saya akan sebutkan.

Pertama: negeri kita sendiri (Tanah Melayu) dan negeri tetangga yang hampir sekali.

Kedua: negeri-negeri timur dan barat yang ada perhubungan rapat dengan Persekutuan tanah Melayu.

ketiga: Lain-lain negeri di timur dan barat termasuklah benua Afrika.



Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, yang juga menjadi Yang Dipertua Agung Umno sedang berucap di Persidangan Agung Umno Singapura yang telah bersidang pada bulan yang lalu

### **Mustahaklah diselidiki**

Bagi menjayakan kehendak-kehendak itu tadi maka mustahaklah diadakan pemerksaan dan analisa di atas isi kandungan buku-buku yang berkenaan yang ada digunakan di sekolah-sekolah pada masa ini. Bahkan pemerksaan ini patut sangat dilakukan dari satu ke satu masa supaya buku-buku pelajaran itu sentiasa mengikuti proses perubahan dan kemajuan yang berlaku dan terjadi dalam negara-negara barat dan timur, serta mengandungi pendapat-pendapat baharu dan hal-hal baharu mengenai kejadian-kejadian sejarah. Pemerksaan yang semumpama ini boleh juga memberi

peluang untuk membaiki cara penerbitan buku-buku itu mengenai percetakan, hidangan dan kaedah-kaedah baharu dalam ilmu perguruan.

Dalam perkara menganalisa isi kandungan buku-buku itu pula patutlah dijalankan di atas dua segi – pertama dari segi banyaknya tempat atau muka surat atau penggal yang diuntukkan bagi sesebuah negeri asing. kedua dari segi mutu atau cara menyatakan hal sesebuah negeri asing itu kerana ada kalanya sebutan-sebutan pendek sahaja boleh memberi pengaruh yang lebih daripada rencana yang panjang, bergantunglah kepada cara mengarangnya.

Saya tiada dapat menerangkan dengan lebih lanjut mengenai kerja memperbaiki buku-buku pelajaran dalam masa yang terhad ini, akan tetapi adalah pendapat persidangan di Tokyo itu bahawa buku-buku pelajaran yang baik isi dan penerbitannya darihal negeri-negeri asing itu mengambil peranan yang penting bagi membaiki fahaman dan merapatkan muhibbah di antara negara-negara lain – baik yang hampir mahu pun yang jauh di seluruh dunia.

---

(sambungan dari muka 10)

berterus terang kepadanya, atau ada juga kerana si suami itu suka melebih-lebihkan cerita di rumah tentang keadaan dan kedudukannya di pejabat atau di tengah-tengah masyarakat.

Pada hal jika sekiranya si suami dari mulanya suka menyatakan keadaannya yan sebenar kepada isterinya dengan sejujur-jujurnya, bukan sahaja ia boleh mendapat rakan hidup yang akrab sekali dalam masa susah sukar, tetapi benih “tidak puas hati” yang tersebut tidak akan tumbuh.